

Operasi ketika Hari Percutian

November 2013



Apa yang terjadi kepada kilang pemprosesan sepanjang hari percutian? Kebanyakan kilang akan berhenti operasi atau akan mengurangkan operasi dalam tempoh cuti tersebut. Peralatan-peralatan mungkin dalam keadaan tidak seperti biasa semasa pemprosesan dihentikan atau ditutup. Walaupun kilang berhenti operasi, bahan-bahan berbahaya berkemungkinan besar masih tersimpan di dalam tangki simpanan atau vesel proses. Peralatan tersebut mungkin dibuka untuk diinspek atau penyelenggaraan. Pekerja penyelenggaraan dan kontraktor mungkin melebihi pekerja operasi.

Selepas hari cuti, sesetengah kilang akan menjalankan operasi dengan bilangan pekerja yang kurang, kerja-kerja yang kurang kritikal juga akan ditangguhkan bagi membolehkan pekerja bersama keluarga semasa cuti. Pengurus dan pekerja teknikal yang mungkin akan bekerja bagi tugas pengawasan dan menjawab sebarang persoalan juga adalah kurang.

What can you do?

- ➔ Fahami yang bahaya proses tidak mengira sama ada hari cuti, sentiasa mengambil perhatian kepada keselamatan proses.
- ➔ Apabila menyambut cuti, ingat jadual kerja anda, pastikan anda mendapat tidur yang cukup, dan bersedia untuk bekerja apabila anda tiba di kilang.
- ➔ Pastikan anda bersedia untuk bekerja pada hari cuti atau hujung minggu ketika diarahkan. Jangan menyebabkan orang lain terpaksa bekerja lebih masa bagi menggantikan kamu. Ini boleh menyebabkan rakan sekerja anda keletihan dan meningkatkan risiko untuk kemalangan dan kecederaan.
- ➔ Jangan lupa yang unit proses masih beroperasi walaupun kilang berhenti operasi, contohnya kolum penyulingan dalam keadaan 'total reflux'. Rekodkan maklumat yang diperlukan dan perhatikan operasi tersebut untuk mengenal pasti jika ada kesilapan.
- ➔ Ingat bahawa tangki simpanan dan vesel proses mungkin berisi bahan berbahaya walaupun kilang berhenti operasi ketika cuti. Pemeriksaan tangki dan vesel hendaklah dilakukan secara rutin.
- ➔ Jangan teragak-agak untuk memanggil pengurus atau jurutera sebaik sahaja anda mengesyaki masalah. Jangan tunggu masalah menjadi lebih buruk. Walaupun bercuti, ia adalah tugas mereka untuk membantu anda!
- ➔ Jika anda mempunyai kontraktor penyelenggaraan atau pemeriksa yang bekerja di kilang anda ketika ia tidak beroperasi sempena cuti, pastikan mereka mengikut prosedur keselamatan kontraktor bagi kilang anda.
- ➔ Ikuti prosedur ketika memulakan peralatan selepas hari cuti. Pastikan yang peralatan itu tadi telah sedia dan 'pre-startup safety review' telah dilakukan jika ada penyelenggaraan atau modifikasi semasa kilang tidak beroperasi.

Cuti adalah masa yang sesuai bagi merayakan, tetapi di tempat kerja, raikan bekerja secara selamat!